

**MENGAJAR KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM
MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU
DI SEKOLAH RENDAH:
SATU KAJIAN DI SEBUAH SEKOLAH
DI MERSING, JOHOR.**

Oleh

MD.YUSOF BIN DAWAM

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
BAHASA MELAYU**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2006**

PENGAKUAN

Bahawasanya saya mengaku sesungguhnya tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan, dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.

Disember 2006

.....
MD. YUSOF BIN DAWAM

NO. MATRIK 200200819

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah kurnia dan hidayahNya, dapatlah saya menyiapkan kajian ini bagi melengkapkan syarat pengurniaan Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu. Mudah-mudahan dengan menyelesaikan kajian ini, saya dapat menambah satu pengalaman baru dalam pencarian ilmu.

Sekalung ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Abdullah Hassan selaku penyelia utama dan En Nik Hassan Basri bin Nik Ab. Kadir selaku penyelia kedua saya dalam menyelesaikan kajian ini. Penyiapan kajian ini banyak dibantu oleh Prof. Abdullah dan yang tidak jemu-jemu memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan khidmat nasihat yang tidak ternilai harganya. Begitu juga dengan En. Nik Hassan Basri yang banyak membantu saya dalam penyiapan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga saya hulurkan kepada isteri dan anak-anak tercinta yang telah menjadi sumber inspirasi dan telah banyak mengorbankan masa dan kasih sayang sepanjang saya menyudahkan program sarjana ini.

Tidak lupa juga, ucapan terima kasih diberikan kepada rakan-rakan sekelas, rakan-rakan sejawat, JPNJ, PPD Mersing, Guru Besar Sekolah Kebangsaan LKTP Nitar 2, dan pelajar sekolah yang terlibat sebagai responden yang banyak memberi kerjasama dan perangsang sehingga dapat saya menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Akhir kata, saya mengharapkan kajian ilmiah ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada para pendidik, pengkaji dan penyelidik yang berminat mengkaji kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu demi menambah khazanah ilmu dalam dunia pendidikan di negara kita.

Sekian, terima kasih.

MD. YUSOF BIN DAWAM
Fakulti Bahasa
Program Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu
UPSI 2002

ABSTRAK

Kemahiran berfikir adalah penting dalam sistem pendidikan. Dalam usaha melahirkan pelajar yang berkemahiran dan berpengetahuan, pelaksanaan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran, khususnya, Bahasa Melayu perlulah diberikan penekanan. Walaupun pelaksanaannya telah lama dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, namun masih wujud lagi masalah terutama dari segi kefahaman guru dan amalan pedagogi. Kajian di Mersing, Johor menunjukkan masih lagi terdapat faktor yang menghalang kelancaran pelaksanaannya terutama pemahaman guru terhadap kemahiran berfikir, alat-alat berfikir, cara pelaksanaannya dalam bilik darjah, dan penggunaan alat berfikir yang sesuai.



ABSTRACT

Thinking skills are the most important thing or issue in education system. In order to produce expertise and knowledgeable students, critical and creative thinking in teaching and learning implementations especially in Malay Language should be emphasized. Even though, the implementations have been done by the Malaysian Educational Ministry, but unfortunately the problems of teacher's understanding and pedagogical system are still occurred. Based on the research which has been done in Mersing, Johor, shows that there are still have some factors which inhibits' the implementations especially in terms of teachers' understanding towards thinking skill materials, the way to implement it in the classroom and also the use of convenient thinking materials.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
JADUAL	vi
RAJAH	vii
ISI KANDUNGAN	viii
BAB I : PENDAHULUAN	
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Penyataan Masalah	10
1.2 Objektif Kajian	14
1.3 Soalan Kajian	15
1.4 Kepentingan Kajian	16
1.5 Batasan Kajian	17
1.6 Definisi Istilah Kajian	18
1.6.1 Kemahiran Berfikir	18
1.7 Komponen Kemahiran Berfikir	23
1.8 Alat-alat Kemahiran Berfikir	24
1.8.1 Peta Minda	25
1.8.2 Soalan dan Penyoalan	26
1.8.3 Mengurus Grafik	29
1.8.4 CoRT 1	29

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	32
2.1	Literatur Berkaitan	33
2.1.1	Kajian Kemahiran Berfikir oleh Pengkaji Luar Negara	33
2.1.2	Kajian Kemahiran Berfikir oleh Pengkaji Dalam Negara	37

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	41
3.1	Reka Bentuk Kajian	42
3.2	Prosedur Kajian	44
3.3	Sampel Kajian	45
3.4	Instrumen Kajian	48
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	50

BAB 4 : ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	52
4.1	Meninjau Komponen Kemahiran Berfikir Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah	53
4.2	Meninjau Objektif Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah	55
4.3	Meninjau Organisasi Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah	58
4.4	Meninjau Komponen Kemahiran Berfikir Dalam Kemahiran Bahasa	62
4.4.1	Kemahiran Mendengar dan Bertutur	63
4.4.2	Kemahiran Membaca	70
4.4.3	Kemahiran Menulis	75
4.4.4	Kemahiran Bernilai Tambah	81
4.5	Meninjau Alat Berfikir Dalam Buku “Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran dan Pembelajaran” oleh Pusat Perkembangan Kurikulum.	82
4.5.1	Alat-alat Berfikir yang Dinyatakan Dalam Buku “Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran & Pembelajaran.”	83
4.5.2	Peta Minda	83
4.5.3	Pengurusan Grafik	84
4.5.4	Soalan dan Penyoalan	84

4.6	Meninjau Komponen Kemahiran Berfikir Dalam Buku Teks Bahasa Melayu	87
4.6.1	Pendahuluan	87
4.6.2	Isi Kandungan	88
4.6.3	Soalan dan Latihan Berasaskan Kemahiran Berfikir Dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4	89
4.6.4	Analisis Soalan dan Latihan	91
4.6.5	Kemahiran Berfikir Kreatif	93
4.6.6	Kemahiran Berfikir Kritis	94
4.7	Meninjau Kaedah Mengajar Berfikir yang Diamalkan di Sekolah Sekarang	99
4.7.1	Dapatan Perbincangan dan Temu Ramah	100
4.7.2	Kefahaman Guru Bahasa Melayu Terhadap Kemahiran Berfikir	101
4.7.3	Kehadiran Kursus Kemahiran Berfikir	103
4.7.4	Tempoh Masa Kursus	103
4.7.5	Penganjur Kursus	105
4.7.6	Pengetahuan Guru Tentang Alat Berfikir	107
4.7.7	Meninjau Alat Berfikir yang Digunakan oleh Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	110
4.7.8	Meninjau Amalan Guru Mengajar Berfikir Di sekolah yang Dikaji	113
4.7.9	Peringkat Set Induksi	113
4.7.10	Peringkat Perkembangan	116
4.7.11	Peringkat Penutup	119

BAB 5 : CADANGAN KAEDAH MENGAJAR KEMAHIRAN BERFIKIR

5.0	Pengenalan	122
5.1	Teknik Sumbangsaan	123
5.2	Teknik Bercerita	124
5.3	Teknik Penyelesaian Masalah	125
5.4	Cadangan Rancangan Mengajar	126
5.4.1	Modul 1	127
5.4.2	Modul 2	138
5.4.3	Modul 3	145
5.4.4	Modul 4	150
5.5	Kesimpulan	156

BAB 6 : RINGKASAN DAN KESIMPULAN

6.0 Pendahuluan	157
6.1 Ringkasan Kajian	158

RUJUKAN	166
----------------	-----

LAMPIRAN

- LAMPIRAN A – Senarai soalan dan latihan berdasarkan Kemahiran berfikir dalam buku teks Bahasa Melayu tahun 4.
- LAMPIRAN B – Kebenaran Menggunakan Kemudahan Perpustakaan
- LAMPIRAN C – Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah LKTP Nitar 2.
- LAMPIRAN D - Borang Panduan Sesi Temu Ramah
- LAMPIRAN E - Borang Catatan Pemerhatian di Lapangan
- LAMPIRAN F - Borang Penyeliaan
- LAMPIRAN G – Hasil Kerja Pelajar



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Tahun Persekolahan dan Bil Pelajar	46
3.2	Jantina dan Bil. Sampel	47
3.3	Taraf Pendidikan dan Bil. Sampel	47
4.1	Komponen Kemahiran Berfikir yang Digunakan Dalam Objektif Pengajaran Buku Teks Bahasa Melayu	57
4.2	Komponen Kemahiran Berfikir yang Digunakan Dalam Organisasi Kandungan Buku Teks Bahasa Melayu	61
4.3	Peratus kemahiran berfikir yang terdapat dalam kemahiran mendengar dan bertutur	63
4.4	Komponen Kemahiran Berfikir Dalam Kemahiran Mendengar dan bertutur	68
4.5	Peratus kemahiran berfikir yang terdapat dalam kemahiran membaca	70
4.6	Komponen Kemahiran Berfikir Dalam Kemahiran Membaca	74
4.7	Peratus kemahiran berfikir yang terdapat dalam kemahiran menulis	76
4.8	Komponen Kemahiran Berfikir Dalam Kemahiran Menulis	80
4.9	Perbandingan soalan jenis bertumpu dan bercapah	85
4.10	Kandungan buku teks Bahasa Melayu	89
4.11	Petunjuk Komponen Kemahiran Berfikir yang Dikeluarkan Oleh Pusat Perkembangan Kurikulum	90

4.12	Jumlah soalan dan latihan yang dimasukkan komponen kemahiran berfikir dalam buku teks bahasa Melayu tahun 4.	91
4.13	Soalan dan Latihan dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 yang menggunakan Kemahiran Berfikir Kreatif	93
4.14	Soalan dan Latihan dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 yang menggunakan Kemahiran Berfikir Kritis	95
4.15	Jumlah soalan kemahiran berfikir berbentuk memberi pendapat dalam buku teks Bahasa Melayu tahun 4	96
4.16	Jumlah soalan kemahiran berfikir berbentuk penyelesaian masalah dalam buku teks Bahasa Melayu tahun 4	97
4.17	Jumlah soalan kemahiran berfikir berbentuk memberi pendapat & penyelesaian masalah dalam buku teks Bahasa Melayu tahun 4	98
4.18	Pengkhususan guru Bahasa Melayu	101
4.19	Pengalaman guru yang pernah mengikuti kursus kemahiran berfikir	102
4.20	Guru yang pernah mengikuti kursus Kemahiran Berfikir	103
4.21	Tempoh masa kursus	104
4.22	Penganjur kursus kemahiran berfikir	107
4.23	Pengetahuan guru terhadap alat kemahiran berfikir	108
4.24	Kefahaman guru terhadap alat kemahiran berfikir	109
4.25	Guru yang menggunakan kemahiran berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu	109
4.26	Alat berfikir yang digunakan guru	110
4.27	Perkembangan P7P guru peringkat set induksi	115
4.28	Perkembangan P7P guru peringkat perkembangan	118
4.29	Pengajaran dan Pembelajaran guru pada peringkat penutup	119

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
4.1	Skop Lingkaran Soalan	86
5.1	Peta Minda jawapan pelajar	131
5.2	Peta Minda jawapan kumpulan dua	134
5.3	Peta Minda hasil kerja pelajar	143
5.4	Jawapan Pelajar Dalam Bentuk Grafik	144
4.5	Hasil perbincangan pelajar dalam bentuk grafik	149
5.6	Jawapan Pelajar dalam bentuk Peta Minda	154



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Latar Belakang Kajian

Manusia yang dicipta oleh Allah sebagai khalifah di muka bumi ini dibekalkan dengan kelebihan dan keistimewaan berbanding dengan makhluk lain. Kelebihan dan keistimewaan itu ialah manusia dikurniakan akal fikiran. Dengan akal fikiran itulah manusia dapat mentadbir alam dan sumber alam ini dengan sempurna. Namun begitu, manusia sering kali gagal dalam mentadbir akal fikiran yang dimiliki dengan sempurna sehingga menghasilkan tindakan yang di luar akal fikiran manusia. Manusia yang tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengendalikan fikiran sering kali menghadapi

masalah dalam menerbitkan idea yang bernas, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Manusia yang bijak menggunakan akalunya tidak akan menemui jalan sesat kerana fitrah semulajadi akal adalah untuk menunjuk arah manusia ke arah kebenaran dan kebaikan. Sebaliknya, kesesatan dan keburukan adalah kesan tidak menggunakan akal.

Ibn Khaldun berpendapat:

“tabiat manusia itu dibentuk daripada kekuatan jasad, akal dan roh. Dengan tiga anasir inilah terbentuknya diri manusia.”

Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut
Ibn Khaldun dan Al-Qabisi, hal. 63

“Ibn Khaldun juga berpendapat kemajuan kemahiran dan ilmu terhenti ke atas fikiran dan amalan. Kalaulah tidak ada fikiran dan amalan nescaya tidak ada ilmu-ilmu dan kemahiran-kemahiran.”

Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut
Ibn Khaldun dan Al-Qabisi, hal. 150

Walau bagaimanapun, sikap bergantung sepenuhnya kepada akal untuk menilai dan memutuskan sesuatu perkara akan menghasilkan keputusan yang tidak tepat kerana boleh dipesongkan oleh unsur-unsur luar yang sering mempengaruhi kewarasan akal. Pertimbangan akal juga dipengaruhi oleh unsur-unsur luar seperti pengalaman dan adat tradisi yang diwarisi tanpa usul periksa dan takut kepada pihak berkuasa. Selain itu, pengaruh nafsu seperti kepentingan pangkat atau kedudukan, kesenangan atau

kemewahan turut mempengaruhi akal bagi melaksanakan tugasnya sebagai petunjuk kebaikan. Kesannya, keputusan atau tindakan yang diambil tersasar daripada matlamat sebenar kerana akal tidak didasari oleh asas yang kukuh dan sah.

Oleh hal yang demikian, akal mesti dibantu oleh alat yang boleh memandunya membuat pilihan yang benar. Islam, menggariskan dua alat utama yang menjadi panduan akal untuk berfikir, iaitu Al-Quran dan Hadis. Dengan berpandukan dua alat ini, manusia akan dapat membezakan antara nilai yang baik dan buruk serta perkara yang betul dan salah menerusi penggunaan akal dan dapat membuat keputusan yang waras. Hakikatnya, masih terdapat perkara-perkara yang tidak mampu dijangkau dan difikirkan akal manusia. Kemampuan akal manusia ada hadnya.

Sehubungan itu, penyelidik bercadang membuat kajian yang berkaitan dengan pemikiran. Kajian ini menjurus kepada penggunaan kaedah kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini bertujuan bagi melihat pengetahuan, sikap guru dan pelajar dan alat berfikir yang digunakan dalam komponen kemahiran berfikir yang terdapat dalam sukatan pelajaran. Selain itu, penyelidik juga akan meninjau kandungan buku teks Bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan kerana penyelidik merasakan bahawa kemahiran berfikir yang disaran oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, perlulah dilaksanakan dan diberikan perhatian oleh para pendidik agar hasrat kerajaan dan Kementerian Pelajaran Malaysia bagi melahirkan pelajar yang berkualiti dan dapat menggunakan akal fikirannya yang dikurniakan oleh Allah dengan sempurna apabila dewasa kelak.

Keupayaan berfikir berkesan amat penting dalam dunia yang semakin moden dan canggih ini. Dalam menghadapi cabaran dalam dunia globalisasi ini, kita tidak hanya memerlukan pengetahuan tetapi kita mesti ada kemampuan berfikir dan mengerakkan minda apabila menghadapi sesuatu situasi.

Menurut Mohd Kasim Ismail,

“Pendidikan dan kehidupan berkait rapat. Corak pendidikan yang diterima pada hari ini akan menentukan corak dan kehidupan masa depan seseorang. Pendidikan yang baik akan menghasilkan insan yang baik, iaitu insan yang boleh berfikir secara rasional dan berakhlak.”

Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, hal 167

Modenisasi dan perubahan yang pesat mendedahkan seseorang kepada pelbagai pilihan dan ini memerlukan kemahiran dan kepakaran seseorang membuat pilihan dan keputusan. Kerap kali, seseorang yang tidak mempunyai kemahiran berfikir akan menghadapi masalah dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah mengenai pelbagai isu. Mereka akan menghadapi kesukaran dan mudah melakukan kesilapan dalam setiap keputusan, penyelesaian masalah atau mentafsir idea yang diperolehi.

Kematangan dunia pengiklanan sekarang seringkali menggunakan kematangan dalam kemahiran berfikir bagi mengelirukan dan mempengaruhi minda pengguna dalam mempromosi barangan keluaran syarikatnya. Untuk mengatasi kebijaksanaan dunia pengiklanan, memungkinkan seseorang itu mempunyai kebolehan dan kemampuan membuat penilaian dan keputusan yang bijak. Ini menunjukkan kemahiran berfikir amat

diperlukan bagi menghadapi situasi-situasi berkenaan dalam dunia yang semakin mencabar.

Kemahiran berfikir telah lama diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan dikenali sebagai kemahiran berfikir kreatif dan kritis (KBKK). Pendedahan terhadap kemahiran berfikir ini telah dilaksanakan untuk beberapa mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Matematik, Sains, Bahasa Inggeris, Pendidikan Seni dan Kajian Tempatan bermula dari peringkat sekolah rendah lagi. Kementerian Pelajaran Malaysia telah berusaha untuk melatih dan melahirkan guru-guru yang berkemahiran dan berkemampuan menggunakan Kaedah kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Kaedah ini diperkenal adalah bertujuan memodenkan sistem pendidikan negara kita. Dalam menempuh arus globalisasi, murid-murid perlulah didedahkan dengan keupayaan berfikir dan bukan lagi menghafal.

“Dalam seminar bertema “Education For All” 1990 yang dianjurkan oleh Bank Dunia, UNICEF dan UNESCO, kemahiran asas tidak lagi terbatas kepada 3M : Membaca, Menulis dan Mengira, tetapi ditambahkan dua kemahiran lagi, iaitu Kemahiran Berfikir dan Kemahiran Saintifik. Oleh itu, pendidikan sedunia semakin mementingkan peningkatan kemahiran berfikir di kalangan generasi masa kini.”

Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif, hal. 1

Menurut **Raths, 1971**.

“Oleh kerana pengajaran pemikiran diabaikan, pelajar didapati sangat bergantung kepada guru dan bertingkahtaku impulsif, dogmatik dan malas memberi pendapat”.

Jurnal Pendidikan Guru Malaysia, hal. 1

Kenyataan di atas begitu jelas menyokong bahawa pengajaran kemahiran berfikir perlulah dilakukan dengan bersungguh-sungguh jika kita ingin melihat pelajar-pelajar kita menjadi lebih matang dalam berfikir dan dapat menggunakan fikirannya sebelum membuat sesuatu atau melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Keperluan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran oleh Pusat Perkembangan Kurikulum telah dinyatakan secara jelas.

“Penerapan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran amat penting selaras dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan keperluan negara ke arah K-ekonomi. Dalam kurikulum KBSR dan KBSM yang disemak semula, kemahiran berfikir adalah antara unsur utama yang diberikan penekanan yang dinyatakan secara tersurat.

Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran & Pembelajaran, 1989, hal. 4.

Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah menyatakan keperluan kaedah Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran melalui Falsafah Pendidikan Negara yang menyatakan :

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Falsafah Pendidikan Negara, 2002

Dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) juga telah dinyatakan bahawa kemahiran berfikir ini adalah satu keperluan.

“Para pelajar tidak hanya menerima pengetahuan semata-mata tetapi mereka seharusnya dapat menyatakan idea, fikiran dan pendapat dengan jelas, objektif, kreatif dan rasional dalam semua situasi. Untuk mencapai hasrat ini, peluang bagi meningkatkan daya intelek perlu diwujudkan supaya pemikiran yang kritis dan analitis akan menjadi salah satu aspek yang penting dalam tiap-tiap aktiviti pembelajaran.”

Pusat Perkembangan Kurikulum 1989, hal. 5.

Kenyataan Pusat Perkembangan Kurikulum membayangkan hasrat kerajaan untuk melihat kejayaan pendidikan negara kita untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kemampuan dan mahir berfikir apabila mereka dewasa kelak.

Menurut Abdullah Hassan & Ainon Mohd,

“Kemahiran Berfikir adalah bertujuan supaya pelajar bukan setakat mempunyai pengetahuan akademik yang banyak tetapi mereka juga mempunyai kemahiran menggunakan pengetahuan yang ada pada mereka itu secara kreatif bagi mencipta pelbagai idea, menyelesaikan pelbagai masalah secara berkesan, membuat keputusan yang terbaik, mengelakkan pelbagai kesilapan berfikir dan lain-lain.”

Belajar Berfikir, 2003.

Walaupun akal fikiran adalah kurniaan Allah s.w.t. dan dapat berfungsi dengan baik tetapi kemahiran berfikir amat perlu bagi mendidik bagaimana seseorang itu berfikir, melahirkan idea, membuat keputusan yang bijak, bertindak selepas berfikir dan bagaimana menggunakan keupayaan berfikir.

Menurut Bartlett (1958)

“Pemikiran sebagai satu usaha mengisi maklumat yang tidak ada (interpolasi), memberikan maklumat lanjut berdasarkan maklumat sedia ada (esktrapolasi) dan menyusun semula maklumat supaya wujud tafsiran baru.”

Jurnal Pendidikan Guru Malaysia, hal. 3

Menurut Abu Bakar Nordin (1994)

“Apabila dasar pandang ke timur dikemukakan maka pendidikan menerima cabaran ini dengan mengubah orientasi kurikulum kepada lebih bersepadu iaitu perkembangan individu yang seimbang dari segi mental, fizikal, emosional dan kerohanian. Diharapkan perkembangan yang menyeluruh ini dapat membekalkan tenaga mahir yang mempunyai daya saing dan daya kreatif”

Pendidikan Menghadapi Cabaran Tahun 2020.
Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi
Cabaran 2020, hal 241.

Berdasarkan keperluan dan kepentingan melahirkan manusia atau rakyat Malaysia yang bijaksana dan pintar dalam berfikir, maka langkah awalnya adalah memberikan pendidikan dan pemahaman kepada guru, pelajar dan pentadbiran sekolah tentang keperluan penggunaan kaedah kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Untuk itu, saya telah berusaha untuk membuat satu kajian yang bertajuk “Mengajar Kemahiran Berfikir di Sekolah Rendah.” Kajian itu dijalankan di sebuah sekolah rendah di negeri Johor iaitu Sekolah Kebangsaan Nitar 2, Mersing, Johor. Kajian yang dijalankan itu adalah untuk melihat kaedah mengajar kemahiran berfikir di sekolah, alat kemahiran berfikir yang digunakan, meninjau cara mengajar berfikir di sekolah yang dikaji dan meninjau komponen dan alat kemahiran berfikir dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah.

1.1 Pernyataan Masalah

Pelajar-pelajar merupakan golongan menjadi harapan kepada negara dan masyarakat dan menjadi tunggak dalam membina sebuah negara pada masa akan datang. Matlamat pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal adalah bertujuan untuk melahirkan pelajar yang cemerlang, gemilang dan terbilang dan dapat memenuhi tuntutan dan harapan negara yang dinyatakan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Namun untuk melahirkan pelajar yang cemerlang, gemilang, dan terbilang bukannya mudah kerana pelajar bukan sahaja mesti rajin berusaha, mempunyai kekuatan dalaman, sokongan keluarga dan material, tetapi yang paling utama ialah mempunyai kemampuan berfikir dan teknik berfikir yang baik dan untuk melahirkan pelajar yang sebegini penguasaan kemahiran berfikir perlulah dimiliki oleh pelajar tersebut.

Penyelidik mendapati bahawa pemahaman dan penulisan dalam Bahasa Melayu merupakan dua perkara yang berbeza dari segi keupayaan pelajar untuk menguasainya. Walaupun seseorang pelajar itu mampu menguasai bacaan tetapi belum pasti mereka boleh menguasai kemahiran memaham dan menulis dengan baik. Masalah ini banyak berlaku kepada pelajar Melayu yang sebenarnya mempunyai keupayaan dalam penguasaan lisan dan bacaan dalam Bahasa Melayu tetapi lemah dalam pemahaman dan pengalihan idea dalam penulisan karangan dan juga komunikasi. Ini adalah disebabkan mereka lemah dan tidak diajar cara berfikir yang betul. Mereka hanya didedahkan dengan teknik belajar yang lebih kepada menghafal fakta yang disampaikan atau pun dibaca lebih-lebih lagi bagi mereka yang berada di tahun peperiksaan. Guru-guru lebih

cenderung menyuap pelajar dengan isi pelajaran daripada melatih mereka berfikir semasa pengajaran dan pengajaran berjalan kerana itu lebih mudah dilaksanakan. Maka lahirlah pelajar yang kuat daya ingatannya menjadi pelajar cemerlang dan diangkat dan dikelompokkan dalam kumpulan pelajar bijak. Pelajar yang kurang daya ingatan akan ditinggalkan dan dilabelkan sebagai lemah dan malas. Jika ini berterusan negara akan memiliki pelajar yang pandai tetapi lemah berfikir dan ini sudah tentu merugikan negara.

Penyelidik mendapati kebanyakan pelajar Melayu sama ada yang tinggal di bandar atau di luar bandar boleh berkomunikasi dengan rakan, keluarga, dan alam sekitar dengan baik walaupun sosioekonomi mereka berbeza. Keupayaan ini menunjukkan pelajar Melayu tiada masalah dalam penguasaan bahasa Melayu berbanding dengan pelajar bukan Melayu. Tetapi kenyataan ini jauh meleset kerana ramai pelajar Melayu sukar mendapat keputusan yang baik dalam ujian bahasa Melayu malah ada pelajar yang gagal setiap kali mereka menduduki ujian.

Keputusan ini bukan bermakna mereka tidak faham bahasa atau tidak boleh menguasai bahasa Melayu seperti pelajar bukan Melayu tetapi kerana mereka gagal atau lemah melahirkan pemikiran kreatif dan kritis semasa menjawab soalan dan semasa melahirkan idea dalam aktiviti penulisan. Kelemahan mereka dalam kemahiran berfikir menyebabkan karangan mereka terpesong, isi tidak tersusun, isi yang berulang-ulang, jawapan tidak menepati kehendak soalan dan penulisan karangan yang berjela-jela tetapi ketandusan isi. Masalah ini amat sukar diatasi, keupayaan dan kefasihan mereka

bertutur tidak dapat membantu pelajar menguasai bahasa dalam penulisan bagi membolehkan mereka mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan.

Penyelidik mendapati bahawa pelajar tahun 4, 5, dan 6 yang bakal menduduki peperiksaan UPSR pada tahun berikut sudah semestinya perlu mempertingkatkan usaha bagi mencapai kejayaan cemerlang. Di Malaysia, kebolehan dan kepintaran pelajar diukur oleh keputusan peperiksaan yang mereka duduki. Sekiranya berjaya dengan cemerlang, mereka akan berpeluang melanjutkan pelajaran ke Sekolah Berasrama Penuh yang mempunyai kelengkapan yang mencukupi dan lebih baik jika dibandingkan dengan sekolah menengah harian.

Ini menyebabkan mereka berlumba-lumba untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam UPSR. Pentadbiran sekolah dan guru-guru berusaha bertungkus-lumus untuk melahirkan pelajar yang cemerlang kerana prestasi pelajar dalam peperiksaan akan menjadi ukuran kepada kejayaan sesebuah sekolah dan kualiti guru.. Walau bagaimanapun, tidak banyak sekolah dapat melahirkan pelajar cemerlang, khususnya dalam Bahasa Melayu. Ini adalah kerana, soalan-soalan peperiksaan sekarang bukan sahaja ingin kekuatan ingatan tetapi juga ingin melihat keupayaan pelajar berfikir dan bijak menggunakan fikirannya yang rasional.